

Naza TTDI terokai hartanah luar negara

➔ Ambil kira potensi, situasi ekonomi semasa

Oleh Nurhayati Abilah
nurhayatiablah@bh.com.my

Naza TTDI Sdn Bhd (Naza TTDI), bakal menerokai pasaran hartanah di luar negara dalam usaha mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai antara pemaju hartanah terkemuka Malaysia serta bersaing di peringkat serantau.

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi Naza TTDI, Idzham Mohd Hashim, berkata sebagai antara peserta utama dalam sektor hartanah tempatan, cabang hartanah bagi Naza Corpo-

ration Holdings Sdn Bhd itu kini bersedia untuk meninjau pasaran antarabangsa dalam tempoh satu hingga dua tahun akan datang.

"Ketika ini, kami memiliki jumlah simpanan tanah sebanyak 377.17 hektar dengan nilai pembangunan kasar (GDV) dianggarkan antara RM25 bilion hingga RM30 bilion.

"Daripada keseluruhan kawasan itu, kira-kira 323.75 hektar adalah di Pulau Pinang, manakala selebihnya adalah di Lembah Klang," katanya dalam temu bual bersama BH, baru-baru ini.

Beliau berkata, dalam usaha untuk terus mempertingkatkan pertumbuhan syarikat, Naza

TTDI sedang meninjau beberapa potensi kawasan baharu sama ada di dalam atau luar negara untuk dimajukan.

Teroka pasaran baharu

"Naza TTDI perlu berkembang dengan lebih besar dan sentiasa berusaha untuk menerokai pasaran baharu termasuk di luar negara yang mampu memberi impak kepada pertumbuhan kumpulan.

"Justeru, selain Lembah Klang, kami merancang untuk memasuki pasaran hartanah berpotensi seperti di Jepun, Australia dan United Kingdom," katanya.

➔ Lihat Ms.26



Kami memiliki jumlah simpanan tanah sebanyak 377.17 hektar dengan nilai pembangunan kasar (GDV) dianggarkan antara RM25 bilion hingga RM30 bilion"

Idzham Mohd Hashim,

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi Naza TTDI



Laksana projek berkonsep pembangunan

← Dari Ms.25

Mengulas lanjut, beliau berkata, bagi pasaran di luar negara, Naza TTDI merancang melaksanakan projek berkonsepkan pembangunan bersepadu dan pembangunan hartanah berkonsepkan butik.

“Kami sudah mengenal pasti beberapa potensi yang ada, namun ia perlu diteliti kerana mengambil kira pelbagai aspek, termasuk situasi ekonomi semasa,” katanya.

Fokus pembangunan hartanah

Beliau berkata, buat masa ini Naza TTDI sedang memfokuskan kepada pembangunan hartanah tempatan, terutama KL Metropolis, iaitu projek berskala besar dan pembangunan bercampur yang dikhususkan sebagai ‘Daerah Perdagangan Antarabangsa dan Pameran’ untuk Kuala Lumpur.

“Pembangunan ikonik itu membabitkan jangka masa 10 hingga 15 tahun untuk disiapkan sepenuhnya dan ia adalah pelaksanaan perancangan secara berterusan.

“Kami sentiasa mengalu-alukan rakan kongsi strategik untuk merealisasikan wawasan pembangunan pelan induk + KL Metropolis. Kami mahu menjadikan pembangunan itu sebagai penanda aras bagi kehidupan pada masa hadapan dan ia memenuhi jangkaan pembeli generasi baharu,” katanya.



Info

Naza TTDI

→ **Ditubuhkan pada 1973** dan sebahagian nama syarikat diambil daripada Taman Tun Dr Ismail, kawasan perbandaran pemenang anugerah yang pertama dibangunkan.

→ **Syarikat berkenaan** banyak memajukan projek berimpak tinggi dan bandar mikro.

→ **Keseluruhan KL Metropolis** yang membabitkan kawasan seluas 30.2 hektar dijangka siap sepenuhnya menjelang 2030.